



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8000 8000 Email: aduan@rurallink.gov.my | webmaster@rurallink.gov.my

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

E-KERATAN AKHBAR HARIAN

TARIKH : 7 OGOS 2019

RUJUKAN : KPLB.UKK.600-11(66)

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

 www.rurallink.gov.my

 Kementerian Pembangunan Luar Bandar

 [kplb_gov](https://twitter.com/kplb_gov)

 [kplb_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)

 [kplb Official](https://www.youtube.com/kplbOfficial)



Penuntut Malaysia maut jatuh apartmen di Sydney

Mangsa pelajar
tahun akhir
kejuruteraan
mekatronik

Oleh Fazrik Kamarudin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seorang penuntut Malaysia meninggal dunia di percayai terjatuh dari pangsapuri didiaminya di Sydney, Australia, pagi semalam.

Mangsa, Amirul Ashraff Md Azhar, 22, berasal dari Taiping, Perak adalah penuntut tahun akhir Ijazah Kejuruteraan Mekatronik di University Technology Of Sydney.

Bapanya, Md Azhar Hasbullah, 48, berkata beliau dimaklumkan mengenai kejadian itu kira-kira jam 4 petang.

"Saya dihubungi pegawai MARA di Australia pada 4 petang hari ini (semalam), setakat ini saya dimaklumkan anak saya terjatuh dari pangsapurnya yang terletak kira-kira lima kilometer dari universiti.

"Sehingga kini, saya menunggu maklumat lanjut MARA memandangkan dia adalah pelajar tajaan MARA," katanya ketika dihubungi, semalam.

Md Azhar berkata, sebelum ini, anaknya ada menghubungi-nya memaklumkan dia gagal li-



Amirul Ashraff Md Azhar

ma subjek dan perlu membuat rayuan kepada MARA.

"Dia (Amirul Ashraff) sudah mengemukakan rayuan kepada MARA, namun saya berasakan dia tertekan. Apapun, saya kini sedang menunggu maklumat lanjut daripada pegawai di sana.

"Dia tidak menceritakan masalah lain, selain gagal lima subjek berkenaan," katanya.

Md Azhar berkata, kali terakhir beliau menghubungi Amirul Ashraff pada 30 Julai lalu ketika sambutan ulang tahun anaknya itu.

Katanya, jenazah akan dikebumikan di Taiping selepas selesai semua urusan nanti.

Sementara itu, MARA menerusi satu kenyataan, memaklumkan pihak berkuasa di Sydney mengesahkan Amirul Ashraff meninggal dunia selepas tergelincir daripada bangunan.

"Pegawai MARA Luar Negara di Australia bergegas ke tempat

kejadian sejurus kejadian dilaporkan untuk tindakan pengecaman.

"MARA dengan bantuan kedutaan kita di sana akan berusaha memastikan urusan membawa pulang jenazah dapat dilakukan secepat mungkin selepas proses bedah siasat yang dijangka selesai dalam waktu terdekat.

"MARA akan menguruskan segala urusan membawa pulang jenazah Allahyarham sehinggalah diserahkan kepada keluarga bagi urusan pengebumian," katanya.

Menurut kenyataan itu, Allahyarham pelajar tahun akhir University of Technology Sydney dalam bidang Ijazah Kejuruteraan Mekatronik yang juga bekas pelajar Maktab Rendah Sains MARA Langkawi.

"MARA mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Amirul Ashraff," katanya.

Dia (Amirul Ashraff) sudah mengemukakan rayuan kepada MARA, namun saya merasakan dia tertekan.

Md Azhar Hasbullah,
Bapa

TARIKH:

7 OGOS 2019

HALAMAN:

4

ONLINE

Utusan
MALAYSIA

BERITA HARIAN

Metro

Kosmo!

Sinar

Star

NEW STRAITS TIMES

南洋商報

東方日報

Utusan
Borneo

THE BORNEO POST

NEW
SABAH
TIMES

Pelajar Malaysia maut jatuh pangsapuri di Australia



AMIRUL ASHRAF

KUALA LUMPUR - Seorang penuntut Malaysia meninggal dunia dipercayai terjatuh dari pangsapuri yang didiaminya di Sydney, Australia semalam.

Mangsa, Amirul Ashraf Md. Azhar, 22, yang berasal dari Taiping, Perak merupakan penuntut tahun akhir Ijazah Kejuruteraan

Mekatronik di University Technology of Sydney.

Bapanya, Md. Azhar Hasbullah, 48, berkata, dia dimaklumkan tentang kejadian yang menimpa anaknya pada pukul 4 petang semalam.

"Pegawai Majlis Amanah Rakyat (Mara) di Australia menghubungi saya dan

memaklumkan anak saya (Amirul Ashraf) terjatuh dari pangsapuri yang didiaminya yang terletak kira-kira lima kilometer dari universiti.

"Sehingga kini, saya masih menunggu maklumat lanjut daripada pihak Mara," katanya yang dipetik daripada sebuah portal semalam.

Md. Azhar berkata, Amirul Ashraf tidak mempunyai masalah lain namun sebelum ini pernah memberitahu dia gagal dalam lima subjek yang diambil dalam pengajiannya dan perlu membuat rayuan kepada pihak Mara.

"Dia sudah mengemukakan rayuan kepada Mara

tetapi saya rasa dia mungkin tertekan dengan perkara itu. Sehingga kini, saya masih menunggu maklumat lanjut daripada pegawai di sana," katanya.

Jelasnya kali terakhir dia menghubungi Amirul Ashraf pada 30 Julai lalu iaitu pada hari ulang tahun kelahirannya.

TARIKH:

7 OGOS 2019

HALAMAN:

ONLINE

MY METRO



Penuntut kita maut di Sydney

f Share T Tweet g+ Share

MyMetro > Utama



AMIRUL Ashraff meninggal dunia dipercayai terjatuh dari pangsapuri didiaminya.

Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

SEORANG penuntut Malaysia meninggal dunia dipercayai terjatuh dari pangsapuri didiaminya di Sydney, Australia, hari ini.

Mangsa, Amirul Ashraff Md Azhar, 22, berasal dari Taiping, Perak adalah penuntut tahun akhir Ijazah Kejuruteraan Mekatronik di Universiti Technology Of Sydney.

Bapanya, Md Azhar Hasbullah, 48, berkata, dia dihubungi pegawai Majlis Amanah Rakyat (MARA) di Australia pada 4 petang hari ini.

"Setakat ini saya dimaklumkan anak saya terjatuh dari pangsapuri didiaminya yang terletak kira-kira lima kilometer dari universiti berkenaan.

"Sehingga kini saya menunggu maklumat lanjut dari MARA berikutan dia adalah pelajar tajaan MARA," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Md Azhar berkata, sebelum ini anaknya ada menghubunginya memberitahu dia gagal lima subjek dan perlu membuat rayuan kepada MARA.

"Dia sudah membuat rayuan kepada MARA, namun saya merasakan dia tertekan. Apapun, saya kini sedang menunggu maklumat lanjut daripada pegawai di sana.

"Dia (Amirul Ashraff) tidak menceritakan masalah lain selain gagal lima subjek berkenaan," katanya.

Menurutnya, kali terakhir dia menghubungi anaknya itu adalah pada 30 Julai lalu ketika sambutan ulang tahun kelahiran anaknya.

"Dia baru seminggu menyambut ulang tahun kelahiran. Saya kini menunggu perkembangan daripada pegawai MARA di sana.

"Jenazah akan dikuburkan di Taiping selepas selesai semua urusan nanti," katanya.

Mutakhir



Macam jejak kasih pula...



Keluarga mangsa tak nak jumpa sesiapa (METROTV)



Muffis hingga hujung hayat



Broker saham didakwa



Pukauan gitar Joe Barbarik



Tak proaktif



'Pelakon perlu ada strategi' - Saharul Ridzwan